



MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 8/2017/2018

TARIKH : **30 APRIL 2018 (ISNIN)**
MASA : **8:30 PAGI**
TEMPAT : i) **BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB**
 ii) **BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL**

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun bt Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah/ Pengerusi	8/8
2.	Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	8/8
3.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	5/8
4.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	7/8
5.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi	Fakulti Komputeran	4/8
6.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	6/8
7.	Dr. Hasnah bt Mohamed	Fakulti Pendidikan	8/8
8.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	4/8
9.	Dr. Suresh A/L Ramakrishnan	Fakulti Pengurusan	4/8
10.	Prof. Madya Dr Muhammad bin A. Manan	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	4/4
11.	Dr. Radziah bt Mohamad	Fakulti Komputeran	8/8
12.	Dr. Mohd Nasir bin Ripin	Fakulti Tamadun Islam	7/8
13.	Prof. Madya Dr. Faizah bt Mohamad Nor	Akademi Bahasa	7/8
14.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah	8/8
15.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	8/8
16.	Pn. Nur Hakimi bt Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	8/8

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	6/8
2.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	6/8
3.	Dr. Sa'ardin bin Abdul Aziz	UTM Razak School	8/8
4.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	5/8
5.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	SPS	8/8

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/7
2.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	2/7
3.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan	0/7

		Perubatan	
4.	Dr. Aminudin bin Hehsan	Fakulti Tamadun Islam	3/7
5.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	4/7
6.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	3/7
7.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	5/7
8.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	6/7
9.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina	2/7
10.	Dr. Mohamad Hidayat Bin Jamal	Fakulti Kejuruteraan Awam	5/7
11.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim UTM Razak	7/7
12.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM Razak	3/7
13.	Dr. Siti Sophiayati bt Yuhani	SPS	1/1
14.	Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly	Fakulti Alam Bina	6/7
15.	Prof. Madya Dr. Siti Aisyah bt Panatik	Fakulti Pengurusan	3/7
16.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	3/7
17.	Prof. Zamri bin Mohamed	Perdana School	0/6
18.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	3/7

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Dr. Rasimah Che Mohd Yusoff	UTM AIS
2.	Datin Huzaimah bt Yahya	AHIBS
3.	En. Nasir bin Osman	UTM Razak School
4.	Pn. Hjh. Nor Azlinda bt Abu Bakar	AMD
5.	Pn. Intan Shahnaz bt Zulkifli	AMD
6.	Pn. Najwa bt Mohamed	SRAD
7.	Cik Radiatul Hadaviyah bt Ramlan	SPS
8.	Pn. Farhana binti Ayub	Urusetia
9.	Cik Norazlina binti Azizi	Urusetia
10.	Pn. Akmalinnisa bt Md Hidir	Urusetia
11.	Pn. Nor Hidayati bt Mokhtar	Urusetia
12.	Pn. Masliyana bt Khalid	Urusetia
13.	Pn. Huzaimah bt Nasir	Urusetia
14.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN PENERUSI

1.1 Pengurusan Pentadbiran SPS

- 1.1.1 Pengerusi memulakan majlis dengan mengucapkan setinggi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Aminah bt Md Yusof yang telah tamat tempoh berkhidmat sebagai Timbalan Dekan (Bahagian Pembangunan Program & Hubungan Pelanggan), SPS. Beliau telah memberikan komitmen yang tinggi sepanjang berada di SPS selama 7 tahun perkhidmatan.
- 1.1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa pengurusan di SPS yang terkini mempunyai 3 orang Timbalan Dekan dan seorang Pengurus Akademik. Unit penyelidikan telah dimansuhkan kerana VIVA telah diserahkan dan diambil alih sepenuhnya oleh pihak fakulti.
- 1.1.3 UTMKL turut mempunyai tugas yang sama seperti di JB tetapi pada skala yang lebih kecil. Untuk sebarang kemusykilan berkaitan dengan penyelidikan dan VIVA boleh menghubungi PM Dr. Noor Hazarina manakala bagi program PhD Industri di bawah pantauan Prof. Madya Dr. Sophiayati.
- 1.1.4 Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat perubahan pentadbiran staf sokongan di mana program pesisir yang dahulunya di bawah SRAD akan dikendalikan sepenuhnya oleh SPS. Pengerusi turut mengalu-alukan Penolong Pendaftar baharu yang telah lapor diri bagi membantu pengurusan akademik, JAPSU, pengurusan kualiti dan pentadbiran SPS iaitu Pn. Farhana binti Ayub.

Makluman

1.2 Pengurusan Pembangunan Sistem & Profesional

Pengerusi memaklumkan bahawa unit Pengurusan Sistem & Profesional (PSP) secara tidak langsung juga akan melihat kualiti untuk program PGSC, MOOCs, iCGPA, Remote Supervision, pelantikan penilai luar dan dalaman dan juga melihat JKTS.

Makluman

1.4 Program Transnational Education (TNE)

Pengurusan program TNE adalah dibawah Bahagian Program Khas dan Pesisir SPS, sehubungan itu SPS akan membantu sekiranya fakulti memerlukan bantuan dalam pengurusan program TNE bersama pihak luar. Sekiranya pihak fakulti ingin menjalankannya program ini sendiri, fakulti dikehendaki memaklumkan kepada SPS untuk tujuan rekod sekiranya diaudit.

Makluman

1.5 Unit Penajaan Pascasiswazah

Pengerusi memaklumkan unit penajaan masih di bawah kendalian Pn Nor Haidah bt Ramli. Walau bagaimanapun, pegawai yang menguruskan adalah Pn. Farhana binti Ayub.

Pengerusi memaklumkan bahawa SPS perlu menghantar laporan MyBrain ke KPT setiap 6 bulan.

Makluman

1.6 Pengurusan VIVA

Pengerusi mengingatkan kepada semua fakulti agar setiap pelajar hanya mempunyai 1 fail khusus untuk pelajar berkenaan. Untuk persediaan audit RU, FKE dan FC telah menghantar fail pelajar yang lengkap ke SPS. Turut dicadangkan pada masa akan datang, setiap dokumen yang ada di dalam fail pelajar turut direkodkan di dalam sistem. Fail pelajar juga dikategorikan sebagai fail sulit dan perlu disimpan selama 2 tahun.

Tindakan : Fakulti

1.7 MyBrain

Sesi temubual MyBrain 15 telah selesai dijalankan pada 18-26 April. Seramai 338 pelajar sarjana yang layak ditemuduga, manakala bagi pelajar PhD seramai 404 untuk ditemuduga.

Bagi kes pelajar yang tidak layak ditemuduga iaitu pelajar kerja kursus dan bukan berada pada semester 1 & 2 pada 2017/2018-2, hebahan untuk proses rayuan boleh dibuat dan menghantar surat ke KPT. Permohonan MyPhD tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 4700 permohonan. Jumlah permohonan yang diperoleh hanya sebanyak 4500 permohonan sahaja.

Temuduga MyBrain mungkin akan dibuka kembali selepas selesai PRU 14. Pengerusi juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli yang hadir sebagai panel temuduga.

Makluman

1.8 Status Penerima Anugerah Akademik Konvokesyen ke 60

Jumlah pelajar yang menerima Anugerah Akademik bagi Konvokesyen ke 60 seramai 120 orang pelajar MSc dan 37 orang bagi pelajar PhD.

Makluman

1.9 Proses Anugerah Akademik Konvokesyen ke 61

Pengerusi juga memaklumkan bahawa proses pencalonan bagi Anugerah Akademik Konvokesyen ke 61 telah dibuka pada 1 Mei 2018. Pengesahan akan dibuat oleh fakulti pada 1 Jun sehingga tarikh tutup pada 16 September 2018.

Makluman

1.10 Penambahbaikan sistem viva

Pengerusi memaklumkan SPS akan membuat penambahbaikan di dalam sistem VIVA bagi kegunaan di dalam JKTS. Pembaharuan adalah dengan menambah kawalan butang hantar (*submit to JKTS*).

Paparan hanya akan dibuka melalui sistem sahaja. Setelah penambahbaikan selesai akan dimaklumkan kepada ahli Senat dan satu latihan akan dibuat. Perancangan bagi penggunaan sistem VIVA ini untuk JKTS akan dibuat bermula Mei dan digunakan sepenuhnya oleh fakulti pada bulan Ogos.

Bagi menghargai fakulti yang telah menerima urusan VIVA, Pengerusi meminta agar Sijil dan penyampaian watakah diberikan yang mana watakah berkenaan perlu ditandatangani oleh Ybrs TNC (A&A).

Makluman

1.11 Pelarasan TOR JKA Fakulti

Pengerusi telah membentangkan TOR JKA fakulti dan memaklumkan bahawa TOR JKA fakulti ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JK Penyelarasan yang di pengrusikan oleh Pn. Hj. Najmah bt Shamsuddin pada 24/4/2018.

TOR ini secara umumnya turut merangkumi urusan bagi program pra siswazah dan pasca siswazah.

Makluman

1.12 PERANGKAAN GRADUAN GOT

Pengerusi membentangkan perangkaan graduan GOT PhD sehingga April 2018 iaitu seramai 229 graduan.

Makluman

1.13 Lawatan Pemantauan di Fakulti

Pengerusi memaklumkan bahawa beberapa siri lawatan pemantauan telah dilaksanakan ke fakulti dan mendapati bahawa isu keselamatan dokumen perlu diberi perhatian oleh fakulti.

Fakulti dimohon untuk merancang dan memastikan kaedah terbaik untuk penyimpanan fail-fail pelajar. Ini adalah kerana, fail pelajar adalah sulit dan sekiranya timbul sebarang masalah, hanya JKTS sahaja yang dibenarkan membuka fail tersebut dan dokumen tidak boleh dikeluarkan dari lokasi tanpa kelulusan pengeluaran dari pihak perundangan.

Tindakan : Fakulti

1.14 Cadangan Kertas Kerja Caj Kadar Semakan Dan Rayuan Tesis/ Disertasi

Pengerusi memaklumkan telah membuat satu kertas kerja bagi Caj Kadar Semakan Dan Rayuan Tesis/ Disertasi. Bayaran caj akan dipusatkan kepada AMD. Borang permohonan akan dirangka untuk kegunaan pelajar yang ingin merayu semakan keputusan peperiksaan atau disertasi. Untuk bayaran membuka kes adalah sebanyak RM250. Setelah diluluskan oleh JKTS bayaran bagi semakan PhD sebanyak RM1500 dan Sarjana RM1000. Bayaran yang telah dibayar tidak akan dipulangkan semula jika kes rayuan tetap sama atau gagal.

JKTS P&P pada dasarnya bersetuju dan akan membawa kertas kerja ini ke JKTS Dasar untuk kelulusan.

Makluman

1.15 Cadangan Rupabentuk Tesis

SPS sedang dalam proses menyediakan rupabentuk tesis yang baharu. SPS telah mencadangkan beberapa rupabentuk tesis terkini dan akan dibawa ke JKTS Dasar dan Senat bagi memutuskan pilihan rupabentuk tersebut.

Cadangan yang dipersetujui oleh JAPSU pelajar menghasilkan tesis saiz A4 bagi urusan viva manakalah untuk '*hardcover*' JAPSU telah meluluskan untuk dibuat dalam bentuk B5.

Pengerusi meminta pandangan ahli mesyuarat JAPSU dan diputuskan mesyuarat bersetuju dalam bentuk B5 dan tetapi kulit keras muka pertama tesis perlu ditipiskan sedikit daripada contoh yang dibentangkan.

Dicadangkan juga penggunaan rupabentuk tesis VIVA yang baru ini bermula pada proses VIVA bulan September 2018.

Tindakan : Urusetia

1.16 3MT

Pengerusi mengucapkan tahniah kepada pemenang 3MT.

Pemenang pertama dari setiap kategori akan mewakili UTM di peringkat kebangsaan pada di Universiti Teknologi Petronas, Perak pada 27 Jun 2018.

Makluman

1.17 COPIA 2018

Pengerusi membentangkan garis panduan penulisan SRP COPIA 2018.

Dokumen-dokumen perlu disediakan oleh TDA dan PGAM fakulti. Perkara-perkara rujukan yang dihantar oleh pihak QRIM akan dimajukan kepada semua ahli JAPSU oleh urusetia mesyuarat. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Audit Akreditasi akan dijalankan selepas Hari Raya.

Tindakan : Fakulti

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT BIL 7 20172018

Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Perkara 1.1 Pengurusan VIVA Di Fakulti

TD Razak School memaklumkan bahawa kos VIVA telah digunakan kesemuanya dan meminta pendapat dan cadangan bagaimana hendak mendapatkan peruntukan tambahan. Pengerusi mencadangkan Razak School untuk menggunakan tabung amanah fakulti sekiranya perbelanjaan masih tidak mencukupi.

TD FGHT pula memaklumkan bahawa FGHT masih belum mempunyai masalah sedemikian. Fakulti berpendapat SPS tiada masalah untuk menjalankan proses viva kerana SPS mempunyai tabung pesisir sebelum ini tetapi fakulti tidak mempunyai tabung alternatif. Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini telah dipanjangkan kepada pihak bendahari, dan jawapan dari Pihak Bendahari adalah menggunakan tabung amanah fakulti untuk proses Viva. Pengerusi memohon agar perkara ini dibincangkan secara teliti di peringkat pentadbiran fakulti. Pengerusi seterusnya memberitahu akan meminta pertolongan dari Pegawai Kewangan SPS untuk membuat semakan dengan pihak Bendahari untuk membuat agihan duit serta merta kerana difahamkan sebelum ini pihak Bendahari membuat agihan duit hanya 2 kali setahun. Fakulti diminta untuk menyemak status kewangan masing—masing di UTM HRFIN untuk mengelakkan kemungkinan mempunyai masalah sistem.

Pengerusi turut melontarkan beberapa cadangan kepada fakulti dalam pengurusan efektif untuk pelaksanaan proses viva seperti menggunakan aplikasi skype untuk temuduga, menetapkan tarikh viva bergantung kepada promosi jualan tiket kapal terbang murah untuk mengurangkan kos perjalanan IE/EE untuk menghadiri viva.

Selain itu, fakulti juga boleh menggunakan bilik viva di pejabat SPSKL sekiranya lokasi IE/EE berada di Kuala Lumpur.

Tindakan : Urusetia SPS/Fakulti

4.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

4.1 Laporan Statistik Pengambilan Pascasiswazah

SRAD melaporkan statistik pengambilan pascasiswazah sehingga April 2018 berjumlah 1164 calon.

Makluman

4.2 Laporan Statistik Permohonan dan Penawaran Pascasiswazah

SRAD melaporkan statistik permohonan dan penawaran pascasiswazah sehingga April termasuk surat tawaran direct offer bagi permohonan MyBrain berjumlah 1571.

Makluman

4.3 Jadual kerja pendaftaran semester 1 2018/2019

Tarikh pendaftaran program pelajar baharu untuk semester I 2018/2019 akan bermula pada 4 dan 5 September manakala UTMKL pula akan bermula pada 1 dan 2 September 2018. Pelajar antarabangsa akan mengikuti minggu ISOP adalah pada 27-30 Ogos kedua-dua UTMJB dan UTMKL.

Tarikh pendaftaran bagi pelajar penyelidikan akan berlangsung sehingga akhir bulan November 2018. SRAD meminta fakulti untuk memastikan pelajar mendaftar pada bulan September 2018 kerana peruntukan yang sedia ada adalah sehingga bulan Oktober 2018 sahaja.

Tindakan : Fakulti

5.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

5.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan iaitu seramai 24 pelajar.

Makluman

5.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 20 pelajar.

Makluman

5.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial iaitu seramai 7 pelajar.

Makluman

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan iaitu seramai 17 pelajar.

Makluman

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 16 pelajar.

Makluman

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial iaitu seramai 4 pelajar.

Makluman

7.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis seperti berikut:

- 7.1 **NURIN S.MOHAMMED (PA113045)**
- 7.2 **ONG LIANG FUH (MCS153017)**
- 7.3 **NAGLAA ABDEL LATEEF SAEED FADUL (PC123123)**
- 7.4 **POUYA FOUDEH (PC093036)**
- 7.5 **NURUL NAJIDAH BINTI MOHAMED (PS123009)**
- 7.6 **CHONG JIA CHERNG (PS123065)**
- 7.7 **MUHAMMAD HAFIZ BIN SOAD (MKM143002)**
- 7.8 **NOR AZLINA BINTI CHE ZIN (PM113127)**
- 7.9 **MUHAMMAD ASMAWI BIN MOHD SOLIHEEN (MKM143041)**

- 7.10 **RAZIEH HAGHIGHATI (PM123056)**
- 7.11 **ALKALI HABIB (PK103045)**
- 7.12 **MUHAMMAD SAUFI BIN TARMIZI (PK123055)**
- 7.13 **KHO PUI WUN (PP123041)**
- 7.14 **NUR SYAHRIZA BINTI MUHAMAD NOR (PA133008)**
- 7.15 **KHAIRIL AFENDY BIN HASHIM (PG103064)**
- 7.16 **MAUREEN MUDANG (PM103098)**

Makluman

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis dan Pelantikan Panel Baharu seperti berikut:

- 8.1 **NUR AMIRAH BTE SHAHRUDDIN (PE133022)**
- 8.2 **NURUL IMAN MOHD SA'AT (MAN143001)**
- 8.3 **SYAHRUL RIDHWAN BIN MORAZUKI (PP123007)**
- 8.4 **ROSLAN BIN MOHAMED (EA102001)**

Makluman

9.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelantikan Panel Pemeriksa Baharu seperti berikut:

- 9.1 **MUHAMMAD RAIHAN BIN ABDUL KADIR (MMB153008)**
- 9.2 **SOMAIYEH VEDADI (PP113256)**
- 9.3 **YONG YEN PING @ MULLER YONG (PP103116)**
- 9.4 **TIONG CHAI PING (MGH153007)**

Makluman

10.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan seperti berikut:

10.1 KOOI CHUNG LENG (PH113009)

Diluluskan 3 bulan sehingga 14 disember 2018

10.2 ALI KARIMIYAN (PH133024)

Diluluskan 3 bulan sehingga 23 Julai 2018

10.3 FAJRI KURNIAWAN (PC103109)

Diluluskan 3 bulan sehingga 24 Jun 2018 dan merupakan lanjutan terakhir pelajar.

Makluman

11.0 PENGECUALIAN/PENGURANGAN YURAN

11.1 PENGECUALIAN YURAN BAGI PENGAJIAN PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf bagi peringkat Doktor Falsafah seperti berikut:

11.1.1 Saharudin Bin Ismail PW133014

Pelajar ini merupakan kes khas di mana beliau telah diberhentikan kerja. Beliau telah membuat permohonan pengecualian yuran bagi Semester I dan Semester II. Walau bagaimana pun, Mesyuarat JAPSU hanya meluluskan pengecualian yuran bagi Semester I 2017/2018 sahaja kerana pada masa itu beliau masih merupakan staf.

Mesyuarat mencadangkan pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pengurangan yuran bagi semester lazim dari AMD.

Makluman

11.2 PENGECUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT SARJANA FALSAFAH

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf bagi peringkat Sarjana Falsafah seperti berikut:

11.1.1 Solleh Bin Ramli MKK163047

11.1.2 Mahadhir Bin Mohammad MKM163011

11.1.3 Nor Fadilah Binti Mohamad Nasir MSC143008

11.1.4 Pengerusi meminta urusetia menyemak pelajar 1 dan 2 sama ada pernah mendapat mendapat pengecualian yuran atau tidak sebelum ini.

Makluman

11.3 PENGURANGAN YURAN BAGI ANAK/PASANGAN STAF

Mesyuarat turut meluluskan permohonan pengecualian yuran bagi anak/pasangan staf seperti berikut:

11.1.5 Farah Amira Binti Mohd Ghazali PKM173028

11.1.6 Che Munira Binti Che Razali PMJ173012

11.1.7 Emilly Binti Albert Alim PSC143075

11.1.8 Noor Hayati Binti Mohd Zain PCS143003

11.1.9 Nur Adilah Binti Ramli MKK161038

11.1.10 Safinaz Binti Khairul Anuar MKA171019

11.1.11 Nor Ai'han Binti Mular MKA143002

11.1.12 Siti Aisyah Binti Samod MPP151252

11.1.13 Nur Dinah Binti Taib MLA143001

Makluman

12.0 HAL-HAL LAIN

12.1 iGOT

Dicadangkan di dalam Meyuarat JKTNCA untuk menganalisis perkembangan iGOT dan menganalisa pelaporan kepada KPT. Pengerusi memaklumkan akan cuba untuk memperluaskan maksud tangguh pengajian di UTM. AMD seterusnya diminta untuk mengambil maklum bahawa terdapat 3 jenis definisi tangguh pengajian iaitu;

- i. Tangguh pengajian disebabkan faktor kewangan dan lain-lain factor. Tempoh pengajian akan dikira dalam pengajian dan tidak dibenarkan menangguhkan pengajian 2 semester berturut-turut.
- ii. Tangguh pengajian kerana sakit. Oleh kerana sebelum ini tiada maksimum bagi tangguh pengajian kerana sakit, dicadangkan tangguh pengajian dimaksimumkan 2 tahun dan sekiranya melebihi akan diberikan tamat pengajian.
- iii. Tangguh pengajian disebabkan peperangan, bencana alam, perkhidmatan kepada negara. Ini adalah tangguh pengajian yang tidak dikira dan tiada maksimum. Walau bagaimanapun, bagi penangguhan perkhidmatan kepada negara diberikan maksimum 2 tahun untuk dinilai semula. Selepas 2 tahun dan tidak boleh menamatkan pengajian akan ditamatkan.

Cadangan ini hanya terpakai bagi pelajar tempatan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, bagi pelajar antarabangsa, penangguhan pengajian tertakluk kepada visa dan tujuan ini akan diperincikan sepenuhnya oleh AMD.

Tindakan : AMD

12.2 Biasiswa IDF

PM Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi memaklumkan bahawa terdapat pelajar yang memohon biasiswa IDF dan sepatutnya telah mendapat makluman mengenai biasiswa melalui email. PM Dr. Noor Hazarina memaklumkan bahawa Penyelia perlu mengesahkan permohonan pelajar di *interface* di ACAD, dan bukan fakulti yang akan meluluskan permohonan ini kerana fakulti tidak mengenali pelajar. Unit Biasiswa akan membuat statistik pelajar yang mohon IDF dan nama penyelia yang belum mengesahkan permohonan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat.

Tindakan : Unit PSP, SPS

12.3 Borang Penilaian Peringkat Pertama

PM Ir. Dr. Zaini bin Ahmad memaklumkan terdapat maklumbalas bagi borang penilaian baharu. Bagi FKM pelajar re-present bagi pelajar yang mendapat TM dan di dalam borang terdapat kategori B4 minimum 6 bulan bolehkah keputusan dibuat menggunakan Progress Report. Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat 2 kaedah yang fleksibel iaitu MM atau TM adalah dari progress report sebagai asasnya dan fakulti mengeluarkan polisi arahan dari JKA fakulti tetapi di dalam semester tertentu perlu ada penilaian.

Cadangan penambahbaikan di dalam borang tersebut :

- i. Borang perlu dimurnikan lagi
- ii. Pelajar yang mendapat C dicadangkan pembetulan dalam masa 6 hingga 12 bulan.

Pengerusi memaklumkan bahawa borang mengikut rubrik akan di buat semakan bagi grading markah mengikut flexibility.

Makluman

12.3 Status Pelajar Perdana Mengikuti Kelas Pesisir

Pengerusi dimaklumkan berkenaan ada beberapa pelajar perdana yang mengikuti kursus dengan memasuki kelas pelajar pesisir.

Pengerusi menekankan bahawa perkara berkenaan adalah tidak dibenarkan sama sekali ini kerana yuran yang dibayar oleh pelajar pesisir adalah lebih tinggi dari pelajar perdana.

Makluman

12.4 Visa Pelajar

Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad memohon kepastian samada adakah benar bagi pelajar antarabangsa yang memohon untuk menukar program perlu mendapatkan kebenaran dari pihak imigresen.

Pengerusi memaklumkan bahawa telah ditetapkan oleh pihak imigresen sekiranya pelajar antarabangsa ingin menukar program, visa terdahulu adalah terbatal dan pelajar perlu memohon visa yang baharu.

Makluman

12.5 Remote Students

Dr. Suresh A/L Ramakrishnan memaklumkan bahawa pelajar Remote perlu mempunyai kod khas. Ini kerana pensyarah tidak dapat mengenalpasti perbezaan di antara pelajar perdana dan pelajar remote.

Pengerusi memaklumkan satu perbincangan khas akan diadakan Bersama SRAD bagi membincangkan isu pelajar remote.

Tindakan : SPS & SRAD

12.6 Kelas Kaedah Penyelidikan

Dr. Suresh A/L Ramakrishnan memaklumkan ada pelajar kejuruteraan mengikuti kelas kaedah penyelidikan sains sosial. Sehubungan itu mohon kerjasama fakulti untuk memastikan kursus yang bersesuaian bagi pelajar di bawah fakulti masing-masing.

Mohon semua ahli mengambil maklum bahawa kesamaan bidang perlulah 80%.

Makluman

12.7 Kelas Malaysian Culture

Dr. Suresh A/L Ramakrishnan juga memaklumkan bahawa kelas Malaysian Culture akan membawa pelajar antarabangsa keluar dari universiti untuk mengenali budaya Malaysia di luar. Turut dimaklumkan bahawa fakulti lain tidak mahu membantu dari segi kos pengangkutan.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju sekiranya penyertaan pelajar fakulti tersebut adalah lebih ramai dari fakulti lain, fakulti berkenaan dimohon untuk membayar kos pengangkutan pelajar dari fakulti mereka.

Tindakan : Fakulti

12.8 Pelarasan Nama Graduan

Pihak AMD memohon supaya semua pihak mengambil maklum akan pelarasan nama graduan. Pihak AMD juga telah merujuk dengan Pejabat Undang-undang yang mana memaklumkan rekod nama pelajar mestilah sama seperti di dalam kad pengenalan.

Sehubungan dengan itu, kerjasama SRAD adalah diminta untuk membantu dalam memastikan pelarasan nama bagi pelajar antarabangsa.

Tindakan : Fakulti / SRAD

12.9 Laporan Pengerusi

PM Dr Astuty Amrin memohon kerjasama semua pihak yang akan menjalankan VIVA di UTMKL agar dapat mengemukakan dokumen laporan Pengerusi dan laporan tesis lebih awal iaitu sekurang-kurangnya 2 hari sebelum.

Makluman

13.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari petang dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Disemak Kedua:

**PUAN NORALIZA BT
TASIRAN**

Setiausaha

Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. FARHANA BT
AYUB**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti

Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. NUR HAKIMI BT
KARSONO**

Pemangku Timbalan
Pendaftar

Sekolah Pengajian Siswazah